



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

PGT 224- KAEDAH MENGAJAR SEJARAH

SEJARAH TINGKATAN 2

BAB 5

KESULTANAN MELAYU MELAKA

KUMPULAN 7:




NURUL NAZIRA BINTI MOHD NAZRI (142898)

SUCI RAHAYU BINTI SYAMSUDIN (141102)

WAN NURHANIS NNISA BINTI WAN

MOHAMAD ZAIN (143480)





Faktor kegemilangan

1. Kepemimpinan Raja

- Raja merupakan ketua pemerintah dan ketua kerajaan yang mempunyai kuasa tetinggi.

2. Sistem Pentadbiran

-Sultan berada di puncak pemerintahan dan pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka. Sultan melantik pembesar untuk membantu hal pentadbiran menyebabkan KMM gemilang dengan pentadbiran yang tersusun dan berkesan.

3.Sistem Perundangan

-KMM telah memperkenalkan sistem perundangan yang mantap menyebabkan KMM melonjak ke arah kegemilangan.

Kepemimpinan Raja

1. Keturunan Raja Palembang

- Pemerintah Melaka berasal daripada zuriat Raja Palembang yang dikatakan bersusur galur daripada Iskandar Zulkarnaim. (Teks Sulalatus Salatin)
- Susur galur ini memberikan taraf yang tinggi kepada Sultan Melaka dalam kerajaan lain di Alam Melayu



Diorama Sultan Melaka bertakhta di singgahsana.

(Sumber: Muzium Negeri Melaka)

2. Peranan yang unggul

- Raja mempunyai pelbagai peranan dalam sistem pentadbiran
- Menjadi simbol perpaduan dan kemakmuran.
- Merupakan ketua angkatan tentera.
- Mengetuai hubungan diplomatik.
- Menyelaraskan kegiatan ekonomi.
- Menjadi ketua Agama Islam
- Menegakkan keadilan

3. Daulat dan alat kebesaran.

-Kepemimpinan raja juga dikaitkan dengan konsep daulat dan derhaka serta pelbagai institusi perajaan :adat istana dan alat kebesaran diraja.

-Daulat adalah kuasa kewibawaan raja sebagai pemimpin. Kedaulatan raja diakui oleh rakyat sehingga mentaati sepenuhnya dan tidak boleh menderhaka.

-Alat kebesaran raja: cap mohor,nobat, keris, lembing dan mahkota (digunakan dalam upacara istiadat pertabalan, perkahwinan dan kemangkatan raja.

-konsep daulat, adat istiadat dan alat kebesaran menjadikan raja berkedudukan tinggi dan istimewa. (Hal ini mengukuhkan kedudukan raja dalam sistem pemerintahan kerajaan Melaka.



Tombak
berambu



Cap
mohor



nobat

4. Kewibawaan

- Raja memiliki ciri kepemimpinan: Adil, berwibawa dan mengambil berat kebajikan rakyat cth: Sultan Muzaffar Shah dan Sultan Mansur Shah menasihati puteranya Sultan Alauddin Riayat Shah agar bersifat adil kepada rakyat, menyiasat segala tuduhan dengan teliti dan kerjasama pegawai-pegawainya.
- Raja memerintah berdasarkan bidang kuasa yang ditetapkan mengikut *Hukum Kanum Melaka*.




Gambaran ketika wasiat Sultan Mansur Shah disampaikan kepada Sultan Alauddin Riayat Shah.

Sistem Pentadbiran

1. Sistem Pembesar Empat Lipatan

-Setiap peringkat pentadbiran, ada pembesar yang dilantik oleh pemerintah untuk melicinkan pentadbiran.

Pembesar merupakan pentadbir kerajaan pada peringkat pusat, jajahan, daerah, mukim dan kampung



2. Tugas Pembesar (Tugas utama)

- Menjaga keamanan kawasan.
- Mengutip cukai & hasil lain melalui sitem serah
- Membekalkan tenaga tentera ketika perang & menyediakan tenaga buruh melalui system kerah

Pemerintah Melaka juga mengurniakan kawasan khas kepada pembesar untuk ditadbir

- Kawasan pembesar berempat dikenali kawasan pegangan.
- Pembesar jajahan & daerah- kawasan pemakanan
- Pembesar dibenarkan kutip cukai di kawasannya & serah pada pemerintah sebagai ufti.

Pembesar berempat - pembesar peringkat pusat yg merupakan tonggak utama pentadbiran KMM.

Sultan

Pembesar Berempat

BENDAHARA

- Penasihat Raja
- Menteri Utama peringkat pusat
 - Ketua turus angkatan perang
 - Ketua hakim
- Pemangku sultan

PENGHULU BENDAHARI

- Pemungut hasil ufti
- Ketua segala bendahari
- Ketua urus setia istana
- Ketua syahbandar

TEMENGGUNG

- Ketua polis dan penjara
- Penguasa Bandar dan Kota Melaka
- Pegawai Protokol
- Hakim di darat

LAKSAMANA

- Ketua angkatan laut
- Pengawal Peribadi raja
 - Ketua duta
 - Ketua urusan ke Negara luar
 - Hakim di laut

Sistem Perundangan

1. Hukum Kanum Melaka:

- Ditulis pd -(pemerintahan Sultan Muzaffar Shah 1446-1456)
- Disusun teratur pula pd- (Pemerintahan Sultan Mahmud Shah 1489-1511)
- Mengandungi 44 fasal berkaitan: hak keistimewaan, tanggungjawab raja dan pembesar
- Terdapat hukum Islam juga berkaitan Jenayah, urusan jual beli dan kekeluargaan



2. Undang-undang Laut Melaka:

- Ditulis zaman Sultan Mahmud Shah (menentukan peraturan pelayaran dan perdagangan)
- Ada 25 fasal- peraturan di laut, tertib berniaga & tatacara berjual beli.
- Kandungan juga berkait nahkoda, anak kapal, kiwi dan syahbandar
- Juga menyebabkan aktiviti perdagangan berjalan dengan lancar & adil.



3. Undang-undang Adat (dikenali juga Adat Temenggung)

- Pengasas- Datuk Ketemenggunan
- Berkaitansistem pemerintahan, pewarisan takhta, perkahwinan, pewarisan harta dan perundangan
- Berkaitan sistem penggantian sultan iaitu takhta kerajaan diwarisi oleh anak lelaki sulung
- Mengamalkan system pemerintahan beraja. Kuasa tertinggi terletak di tangan sultan atau raja
- Membolehkan sistem pewarisan takhta berlaku secara teratur.

SESI PENGUKUHAN



(MENJAWAB SOALAN DI GOOGLE FORM)

“

RUJUKAN

*Dokumen Standard Kokurikulum dan
Pentaksiran (DSKP) Sejarah Tingkatan 2*

Buku Teks Sejarah Tingkatan 2



**SEKIAN
TERIMA
KASIH**